



## KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera  
28 Februari 2018**

### **PNB serah zakat perniagaan lebih RM9 juta kepada Negeri Terengganu**

**KUALA TERENGGANU:-** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu, Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, berkenan untuk menerima zakat perniagaan Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang berjumlah RM9,680,000.00.

Cek zakat perniagaan Kumpulan PNB itu disampaikan oleh Pengurus Kumpulan PNB, YBhg Tan Sri Abdul Wahid Omar kepada KDYMM Sultan Terengganu di Istana Syarqiyah, Kuala Terengganu. Turut hadir ialah Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan, YBhg Dato' Abdul Rahman Ahmad, Timbalan Presiden & Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, YBhg Dato' Mohd Nizam Zainordin, dan Ketua Pengurusan Syariah, Dr. Ahmad Basri Ibrahim.

Pembayaran zakat oleh Kumpulan PNB dikira mengikut 'haul' dan 'nisab' yang sudah ditetapkan. Zakat perniagaan oleh PNB ini tidak meliputi agihan pendapatan untuk pemegang akaun unit amanah yang melabur dalam tabung yang dikendalikan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). Pemegang akaun dinasihatkan melunaskan sendiri zakat bagi pelaburan dalam setiap unit amanah yang berkenaan.

- Tamat -

#### **Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) yang kini mencapai lebih RM279 bilion. Portfolio PNB meliputi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan swasta dan harta tanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

#### **Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Pengurus Dana iaitu ASNB adalah anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB). ASNB ditubuhkan pada 22 Mei 1979 sebagai syarikat pengurusan unit amanah di bawah PNB. Setelah lebih daripada 30 tahun berada dalam industri, ASNB kini mengurus 12 dana yang bernilai RM207.398 bilion pada tarikh catatan terakhir.

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**